

Balak RM404,000 dirampas masa PKP

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

KUANTAN - Aktiviti mencuri balak yang dilakukan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) gagal mengaburi pihak berkuasa apabila khazanah hutan bernilai RM404,000 di Temerloh dan Bentong itu berjaya dirampas dalam tempoh seminggu.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Nor Azirim Ahmad berkata, kesemua kayu balak pelbagai spesies itu dirampas dalam dua serbuan yang dilakukan di Hutan Simpan Kemasul di Bentong dan Hutan Simpan Jengka di Temerloh.

"Dalam serbuan pertama di Kompartmen 6 Hutan Simpan

Kemasul menemui sebanyak 11 tual balak bernilai kira-kira RM17,000, manakala serbuan kedua di Hutan Simpan Jengka menemui 48 tual balak spesies keruiin, meranti dan balau bernilai kira-kira RM387,000.

"Dalam serbuan yang dilakukan anggota unit penguat kuasa zon Pahang Barat itu kita turut menyita sebuah lori lima tan, jengkaut dan tiga buah motosikal," katanya di sini semalam.

Menurut Nor Azirim, aktiviti penebangan balak berkenaan dipercayai melibatkan individu berpengalaman bertujuan menghasilkan kayu bergergaji daripada spesies pokok yang bernilai tinggi.

Beliau memberitahu, Hutan Simpan Jengka menjadi tum-

puan kegiatan menebang balak secara haram berikutan terdapat banyak spesies balak berkualiti dengan taburan pokok balak bersaiz besar.

Katanya, JPN menerusi pasukan Unit Penguat Kuasa Zon Pahang Barat dan Zon Timur melakukan pelbagai cara bagi mengesan kegiatan menceroboh hutan simpan bagi tujuan mencuri balak dan hasil hutan lain, selain rondaan di kawasan panas dan operasi bersepadu.

"Kita sentiasa menumpukan pada usaha menyekat serta mengesan kegiatan menceroboh hutan simpan di negeri ini, selain pasukan unit penguat kuasa turut bertindak Unit Tindakan Khas, Pejabat Hutan Daerah yang diketuai pegawai hutan daerah," ujarnya.



SEBAHAGIAN balak berkualiti yang dirampas dalam serbuan di Hutan Simpan Jengka dan Hutan Simpan Kemasul di Pahang baru-baru ini.